

20/09/2002

Buniamin dihadapkan ke Mahkamah Sesyen

Veena Rusli

KOTA BHARU, Khamis - Bekas Ahli Parlimen Bachok, Buniamin Yaacob, dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini hari ini, atas tuduhan mengeluarkan kenyataan memfitnah Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menonton video lucu bersama cucunya.

Buniamin, 56, dari Kampung Belukar, Gunung, Bachok, tiba dengan menaiki ambulans Hospital Kota Bharu (HKB) kira-kira jam 9.40 pagi dan dibawa masuk ke mahkamah menggunakan kerusi roda, diiringi isterinya, Norhayati Ibrahim.

Seorang doktor dan jururawat HKB turut berada dalam mahkamah bagi mengawasi keadaan kesihatan Buniamin, yang difahamkan menghidap sakit buah pinggang.

Buniamin, yang juga Pegawai Penerangan Pas Kelantan, minta dibicarakan selepas pertuduhan dibacakan bagi kali kedua oleh jurubahasa mahkamah.

Mengikut kertas pertuduhan, Buniamin didakwa memfitnah Dr Mahathir menonton video lucu bersama cucunya dan mempunyai sebab untuk mempercayai tohmahan itu akan merosakkan nama baik Dr Mahathir.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu ketika berceramah di Pusat Tarbiyah Islamiyah Kelantan (Putik) Pengkalan Chepa, di sini, pada antara jam 10 malam hingga 11.30 malam, 15 Mac lalu.

Buniamin dituduh mengikut Seksyen 500 Kanun Keseksan yang jika sabit kesalahan, boleh dipenjarakan sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Nordin Hassan, Azmi Ariffin dan Dzulkifli Ahmad, manakala tertuduh diwakili peguam Karpal Singh. Wan Jawahir Harun hadir sebagai peguam pemerhati bagi Pas Kelantan.

Hakim Mohd Yazid Mustafa menetapkan 5 hingga 7 November ini sebagai tarikh perbicaraan dan membenarkan tertuduh diikat jamin RM7,000 oleh seorang penjamin.

Wang ikat jamin dibayar oleh Setiausaha Badan Perhubungan Pas Kelantan, Wan Ismail Wan Jusoh.

Sebelum pengakuan tertuduh diambil, Karpal Singh mengemukakan bantahan awal mempersoalkan sama ada mahkamah yang bersidang mempunyai kuasa untuk mendengar kes itu.

Katanya, berdasarkan peruntukan Seksyen 131 Kanun Prosedur Jenayah, mahkamah hanya boleh mendengar kes terbabit jika aduan dibuat oleh pihak yang terkilan (berkaitan) oleh kesalahan itu atau pihak pendakwa raya.

Bagaimanapun, katanya, laporan polis berhubung ceramah Buniamin itu dibuat oleh Kamarul Baharin Awang dari Kampung Teliar, Pasir Mas, iaitu pihak dianggap tidak mempunyai kaitan dengan tuduhan yang dinyatakan.

"Dakwaan terhadap Dr Mahathir dibuat atas kapasitinya sebagai orang awam dan bukan sebagai Perdana Menteri, jadi beliau (Dr Mahathir) sendiri atau Pendakwa Raya sebagai pihak terkilan tidak mesti membuat aduan.

"Dr Mahathir nampaknya seolah-olah tidak kisah dengan dakwaan ini dan tidak pernah membuat laporan polis mengenainya," katanya.

Nordin dalam hujah balasnya berkata, tuduhan ke atas Buniamin tidak menyebut kedudukan Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri tetapi hanya bertumpu kepada kesalahan yang dilakukannya.

"Aduan polis yang dibuat oleh orang awam ialah tindakan untuk memulakan siasatan dan kita ingin menyatakan ia tidak menjejaskan tindakan Peguam Negara membuat aduan mengikut Seksyen 131 Kanun Prosedur Jenayah," katanya.

Mohd Yazid kemudian menolak bantahan awam Karpal Singh atas alasan aduan yang dibuat oleh Pendakwa Raya adalah selaras dan mengikut peruntukan Seksyen 131 Kanun Prosedur Jenayah.

Hakim turut menegur dan memberi peringatan kepada hadirin di galeri awam mahkamah supaya menghormati etika dan tidak mengganggu kelancaran perbicaraan.

Teguran itu dibuat berikutan sikap seorang lelaki, dipercayai penyokong Pas, yang bersuara ketika Karpal Singh meminta mahkamah mengurangkan jumlah ikat jamin.